

# Ini puncanya!

## Penduduk dakwa projek pembangunan penyebab banjir kilat

Keadaan sungai yang semakin cetek akibat sisa tanah dan pasir yang dibawa masuk ketika hujan lebat.

ASYRAF MUHAMMAD

**GOMBAK** - "Sampai bila kami terpaksa berdepan dengan keadaan macam ni? Inilah yang berlaku setiap kali hujan." Ini antara keluhan yang diluahkan penduduk Kampung Sungai Pusu.

Mereka akui tertekan dengan masalah banjir kilat yang semakin kerap berlaku sejak akhir-akhir ini.

Salah seorang penduduk, Taib Jamaludin, 42, memberitahu, sejak projek pembangunan yang dijalankan di bahagian atas bukit berhampiran Taman Desa Gemilang beroperasi kira-kira setahun lalu, keadaan banjir semakin menjadi-jadi dan mengusarkan penduduk di sini.

Kata Taib, pelaksanaan projek itu menyebabkan sisa tanah dan pasir di bahagian atas bukit memasuki sungai dan mengganggu sistem saliran serta menyebabkan banjir apabila hujan.

"Dulu sungai ini dalamnya lebih kurang enam ke tujuh kaki, sekarang ni dah makin cetek sebab pasir dan sisa tanah masuk ke dalamnya," katanya ketika ditemui Sinar Harian, semalam.

Menurutnya, apabila sistem saliran terganggu, air sungai tidak dapat mengalir dengan sempurna dan menyebabkan banjir di kawasan kediaman penduduk.

Setiap kali hujan dan berlaku limpahan air, sebanyak tiga buah rumah yang terletak berhampiran sungai itu akan terjejas teruk.

"Macam mana kami tak bimbang. Nyawa kami di sini tak terjamin. Tanah yang merekah di bahagian atas bukit boleh runtuh bila-bila masa saja. Itu yang kami takutkan.

"Nak tidur malam pun tak lena sebab rasa takut dengan keselamatan keluarga," katanya.

Seorang lagi penduduk, Rosnah

Salleh, 63, akui rumahnya turut terjejas apabila dinaiki air terutama di bahagian dapur dan bilik air setiap kali hujan lebat.

"Dapur dan bilik air tak dapat digunakan bila air masuk. Makcik terpaksa basuh pinggan mangkuk di luar rumah. Banyak kerja-kerja terbantut, hendak mandi pun susah," katanya.

Menurut Rosnah, sepanjang 20 tahun menetap di situ, dia tidak pernah berdepan dengan masalah berkenaan sehinggalah timbulnya projek pembangunan yang akhirnya mengganggu kehidupannya dan penduduk lain.

### JKKK terpaksa upah kontraktor

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung Sungai Pusu, Mohd Yunus Ishak berkata, pihaknya beberapa kali memanjangkan isu itu kepada pihak bertanggungjawab bagi membolehkan tindakan selanjutnya diambil.

Malah, pihaknya turut mengupah kontraktor membantu mengorek sungai berkenaan untuk membolehkan saliran air pulih seperti sediakala.

"November tahun lepas kami ada upah kontraktor untuk korek pasir di sungai ini sebab ada pihak yang bagi kebenaran secara lisan untuk dalam-

“Selepas disaman, projek mendalamkan sungai ini tidak dapat diteruskan. Dan kami pula yang terpaksa menanggung masalah banjir hingga sekarang.”



Keadaan kawasan halaman rumah penduduk selepas dinaiki air akibat banjir berikutan hujan lebat.

kan sungai," katanya.

Malangnya, kontraktor berkenaan dikenakan pula tindakan saman tiga bulan selepas itu atas alasan tidak mendapat surat kebenaran bagi mengeluarkan pasir.

"Selepas disaman, projek mendalamkan sungai ini tidak dapat diteruskan. Dan kami pula yang terpaksa menanggung masalah banjir hingga sekarang," katanya.

Yunus turut memanjangkan hal ini kepada beberapa agensi ber-

kaitan termasuk wakil rakyat bagi membolehkan tindakan selanjutnya diambil.

Jelasnya, selepas beberapa desakan dibuat, pihak berkenaan telah bersejua mengeluarkan surat kebenaran untuk tujuan mengorek pasir kepada pihak kontraktor terbabit.

"Sebenarnya, kami tak halang projek pembinaan di sini tapi mereka kenalah ambil kira keselamatan penduduk.

"Saya tak salahkan siapa-siapa, yang penting pihak yang bertanggungjawab dapat mengambil langkah segera bagi menyelesaikan masalah ini," katanya.

Beliau turut mengharapkan kerjasama semua pihak memastikan keselamatan penduduk terjamin.

"Kami tak tahu projek pembangunan itu siapa yang punya. Kalau tahu mudah kami nak dapatkan maklumat. Yang kami supaya masalah banjir di kawasan kami ini selesai dan kami tak perlu bimbang lagi," katanya.



Taib menunjukkan paras air yang menjejaskan rumahnya setiap kali hujan.

Yunus